

CNS3828

U GB 13-07 00192 BB892

aab

Mahathir - Bosnia

MALAYSIA MAHU TENTERA ISLAM DITEMPATKAN SEGERA DI BOSNIA

Daripada Zainoor Sulaiman

T

TIRANA, 13 Julai (Bernama) -- Malaysia hari ini menggesa bagi penempatan segera pasukan tentera dari negara-negara Islam dalam pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Bosnia berdasarkan cadangan menarik balik sekatan senjata dalam negara Balkan yang dikepung itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata Malaysia bimbang mengenai kemungkinan pembunuhan beramai-ramai umat Islam oleh Serb di Bosnia dengan pengunduran pasukan tentera Britain dan Perancis dari bekas republik Yugoslavia itu.

Rakyat Bosnia tidak cukup lengkap untuk menghadapi kemungkinan serangan hebat Serb, katanya pada satu persidangan akhbar bersama Perdana Menteri Albania Aleksander Meksi di sini, menamatkan lawatan rasmi tiga harinya ke negara itu.

Perdana Menteri berkata Malaysia telah menghantar wakilnya ke beberapa negara Islam meminta penyertaan mereka dalam pasukan pengaman yang diketuai oleh tentera Islam bagi menguatkuasakan tempat perlindungan selamat bagi umat Islam yang mendapat mandat PBB di Bosnia.

Katanya pasukan tentera dari negara-negara Islam harus dihantar segera untuk mengambil alih askar Britain dan Perancis jika mereka mengambil keputusan meninggalkan Bosnia. -- lagi

♥13/07/19-36MST

U GB 13-07 00120 BH356

aab

Mahathir. - Bosnia 2 (Akhir) Tirana

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak mempunyai rancangan perdamaian khusus untuk Bosnia tetapi ia khawatir kuasa-kuasa Barat "akan menyerahkan Bosnia kepada Serb".

Untuk mengelak ini daripada berlaku, tentera dari negara Islam perlu dikerahkan di Bosnia untuk melindungi rakyat daripada puak Serb, kata beliau.

Malaysia merupakan negara pertama menutup kedutaannya di Belgrade dan membantah tindakan Serb terhadap umat Islam di negara itu.

"Jika mereka (Serb) tidak dihalang di Bosnia, mereka akan mengancam negara-negara jiran," kata Dr Mahathir, dengan merujuk kepada keadaan di Kosovo yang penduduknya terdiri daripada rakyat keturunan Albania yang menghadapi tekanan puak Serb. -- Bernama

ZS RON MAT